

31/08/1997

Perdana Menteri ucap terima kasih

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengucapkan terima kasih kepada orang ramai yang mengirinkan beliau kad ucap selamat sempena Hari Kebangsaan ke-40 hari ini.

"Saya menerima banyak kad ucap selamat daripada murid sekolah dan orang ramai sempena Hari Kebangsaan ini. Saya cuba untuk jawab semuanya, tetapi tidak dapat kerana terlalu banyak. Jadi saya ucap terima kasihlah kepada semua," katanya kepada pemberita di Jabatan Perdana Menteri di sini, semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri menerima kad ucap selamat sempena Hari Kebangsaan daripada pelajar kolej Yayasan Saad, Melaka.

Seramai 40 pelajar diiringi Pengetuanya, Ramli Maidin, menyampaikan kad ucapan yang ditandatangani 267 pelajar dan guru kolej itu kepada Dr Mahathir dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

(END)